

Penduduk kesal masalah banjir gagal diselesai

Georgetown: Penduduk negeri ini kesal dengan sikap Kerajaan DAP Pulau Pinang yang didakwa gagal menyelesaikan masalah banjir yang melanda negeri ini sejak kebelakangan ini.

Tinjauan BH mendapati kebanyakan penduduk terutama di kawasan yang sering dilanda banjir mahu masalah itu dapat diselesaikan segera oleh kerajaan negeri selain kecewa apabila isu berkenaan tidak menemui jalan penyelesaian sehingga sekarang.

Penduduk tanggung kerugian

Hujan lebat yang berterusan sejak Jumaat lalu, menyebabkan beberapa kawasan termasuk di bahagian tanah besar dinaiki air sehingga menyebabkan penduduk menanggung kerugian selepas peralatan elektrik dan perabot rumah mereka rosak.

Kejadian banjir kilat itu yang disifatkan terburuk sejak beberapa tahun lalu turut menyebabkan beberapa jalan utama di bandar ini dinaiki air, termasuk Jalan Macalister, Jalan P Ramlee, Jalan Hutton dan Jalan Hospital, menyebabkan ratusan kenderaan rosak selepas terperangkap dalam banjir.

Penduduk Jalan P Ramlee, Hasbullah Mohd Khalid, 44, berha-



Keadaan di sekitar Jalan Hutton, Georgetown selepas **mengalami banjir kilat**.

[FOTO AMIR IRSYAD OMAR/BH]

rap kerajaan negeri segera bertindak untuk mengatasi masalah banjir yang membelenggu penduduk.

“Kami berharap tindakan se-

gera dapat diambil kerana bimbang kejadian banjir terburuk pada 1970-an berulang. Ketika itu air naik hingga ke paras ping-

“Malah, banjir minggu lalu juga menyebabkan persiapan Aidiladha seperti baju raya, selain buku sekolah anak-anak juga rosak kerana tidak dapat diselamatkan

kerana air naik dengan cepat,” katanya.

Tak sanggup hadapi lagi

Pesara, Abdul Hamid Abdul Karim, 62, berkata dia sudah tidak sanggup berhadapan dengan masalah itu kerana setiap kali hujan lebat kawasan rumahnya dinaiki air.

“Kejadian banjir kali ini boleh dikatakan paling buruk kerana air naik cepat dan kebanyakan barang tidak sempat diselamatkan. Saya yang lumpuh sebelah badan terpaksa meminta bantuan orang kampung untuk membersihkan selut dan lumpur banjir.

“Malah, sehingga kini kami langsung tidak menerima bantuan daripada mana-mana pihak termasuk kerajaan negeri bagi meringankan beban kami,” katanya.

Sementara itu, EXCO Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, mengakui masalah banjir di negeri ini belum dapat diselesaikan sepenuhnya.

Beliau berkata, banjir disebabkan reka bentuk projek dan sistem perparitan yang dibina tidak sesuai selain faktor hujan lebat luar biasa.